

TIDAK. PERNAH. TAMAT.



Walaupun had tempoh perkhidmatan selama 12 tahun untuk pengarah bebas diperkenalkan oleh Bursa Malaysia tahun lalu, terdapat beberapa pengarah bebas yang telah lama berkhidmat masih kekal dalam jawatan mereka. Boleh dikatakan, agak menghairankan melihat beberapa syarikat tersenarai awam (PLC) seolah-olah tidak mengendahkan keperluan baharu ini dan terus menjalankan perniagaan seperti biasa.

Tidak berupaya atau langsung tidak peduli akan Syarat Penyenaraian?

Kita menyangka zaman pengarah bebas yang telah lama berkhidmat sudah berakhir apabila Bursa Malaysia memperkenalkan pengenalan had tempoh 12 tahun, namun masih terdapat beberapa syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) yang tidak pernah berhenti “mengejutkan” kita dengan sikap acuh tak acuh mereka dalam mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia.

Contoh yang dimaksudkan ialah BLD Plantation Bhd (BLD), sebuah syarikat pekebun kelapa sawit yang beribu pejabat di Kuching, yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2003. Pada 31 Mac 2024, BLD memiliki kira-kira 40,000 hektar ladang kelapa sawit.

Kami telah membuat pemerhatian dan pemantauan terhadap Syarikat secara tekal dan mendapati berlaku dua pelanggaran ke atas Syarat Penyenaraian. Pertama, pengekal pengarah bebas yang telah lama berkhidmat di luar tempoh yang dimandatkan dan kedua, keengganan untuk mendedahkan imbuhan pengarah berdasarkan nama secara berterusan.

Tindakan Syarikat menyerlahkan pengabaian yang berterusan terhadap amalan tadbir urus korporat yang baik walaupun mereka menyedarinya.

Pengekalan pengarah bebas yang telah lama berkhidmat

Pada akhir tahun kewangan 2024, lembaga pengarah BLD terdiri daripada lima ahli iaitu empat pengarah lelaki dan seorang pengarah wanita. Daripada jumlah ini, dua merupakan pengarah eksekutif, seorang pengarah bukan eksekutif bukan bebas dan dua lagi pengarah bebas. Untuk perhatian, salah seorang pengarah bebas telah berkhidmat sebagai lembaga pengarah dalam kapasiti yang sama selama 20 tahun dan tujuh bulan, selepas dilantik pada Februari 2004.

Demi meningkatkan kualiti dan mengukuhkan kebebasan lembaga pengarah, Bursa Malaysia telah mengumumkan pada 19 Januari 2022, had tempoh perkhidmatan terkumpul selama 12 tahun untuk pengarah bebas. Semua pengarah bebas yang sudah lama berkhidmat dikehendaki meletakkan jawatan, bersara atau dilantik semula sebagai pengarah bukan bebas selewat-lewatnya 1 Jun 2023.

Walaupun syarat baharu itu telah mula berkuat kuasa, BLD tetap membentangkan resolusi untuk mengekalkan pengarah bebas yang sudah lama berkhidmat pada mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat pada September 2023. Resolusi itu telah diluluskan dengan bantahan daripada hanya dua pemegang saham (0.0002%).

Pada AGM tahun ini yang diadakan pada September 2024, BLD sekali lagi membentangkan resolusi yang sama untuk mengekalkan pengarah bebas yang sudah lama berkhidmat itu, suatu pelanggaran yang jelas terhadap Syarat-syarat Penyenaraian.

Sebelum AGM diadakan, MSWG telah menghantar surat kepada syarikat bertanyakan tentang cabaran yang dihadapi untuk mengenal pasti dan menerima ahli lembaga pengarah baharu, terutama apabila lebih setahun sudah berlalu sejak had tempoh 12 tahun itu berkuat kuasa. Selain itu, MSWG juga meminta penjelasan tentang garis masa sama ada untuk pelantikan semula atau persaraan pengarah bebas itu. Jawapan yang kami terima ternyata tidak menggalakkan.

Soalan MSWG melalui surat bertarikh 29 Ogos 2024

(Salinan penuh surat boleh didapati di laman sesawang MSWG)

Pada masa ini, Datuk Haji Hamden bin Haji Ahmad, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (*independent non-executive director*, INED) BLDP yang dilantik pada 4 Februari 2004, kemudian meletak jawatan pada 3 Julai 2007 dan dilantik semula pada 3 September 2007 (halaman 8, Laporan Tahunan 2024) telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah selama **20 tahun 7 bulan**. Di bawah Resolusi 7 dan 11, beliau berhasrat untuk mencadangkan pelantikan semula dan dikekalkan supaya terus memegang jawatan sebagai INED Syarikat.

Bursa Malaysia telah meminda Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama untuk mengehadkan tempoh jawatan pengarah bebas kepada tidak lebih dari tempoh terkumpul 12 tahun dalam penerbit tersenarai atau mana-mana perbadanan berkaitan dari tarikh pelantikan pertamanya sebagai pengarah bebas. (Rujuk kepada Bab 1 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia)

Kesinambungan pemegangan jawatan Datuk Haji Hamden bin Haji Ahmad sebagai INED BLDP adalah **pelanggaran terhadap Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia**. Memandangkan MSWG telah membangkitkan isu ini sewaktu AGM tahun lepas dan setahun telah pun berlalu, apakah cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Pengarah dalam mengenal pasti dan menerima ahli lembaga pengarah baharu?

Jawapan BLD kepada surat MSWG

Lembaga Pengarah telah melantik seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif baharu pada 16 Mei 2024, menjadikan komposisi lembaga semasa kepada enam ahli.

Tidak berpuas hati dengan jawapan bertulis yang diberikan, MSWG membangkitkan kebimbangan yang sama pada AGM Syarikat yang diadakan secara fizikal. Tindakan ini menyebabkan berlaku perbahasan dan pertikaman lidah antara kami dengan Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah, yang diketuai oleh Pengerusi Eksekutif, mempertahankan sekeras-kerasnya keputusan mereka untuk mengekalkan pengarah bebas yang telah lama berkhidmat itu. Pengerusi menegaskan bahawa pengarah bebas itu ialah seorang akauntan yang berkeelayakan dan secara konsisten mengekalkan kebebasannya sepanjang tempoh perkhidmatan serta menunjukkan kesaksamaan dalam perbincangan lembaga pengarah. Beliau juga memetik beberapa contoh yang mana pengarah bebas itu pernah memberikan sudut pandangan yang berbeza.

Pada satu ketika, Pengerusi mencadangkan satu titik persamaan antara beliau dengan pengarah tersebut yang mana beliau sendiri telah berkhidmat dalam Lembaga lebih lama berbanding dengan pengarah itu. Kami menganggap perbandingan ini sebagai tidak adil kerana terdapat perbezaan dalam peranan dan tanggungjawab antara pengarah eksekutif dan pengarah bebas.

Pada masa yang sama, Syarikat mengetepikan soalan kami yang menyentuh cabaran berkaitan perancangan penggantian, dengan menyatakan bahawa mereka telah melantik pengarah bebas baharu pada 16 Mei 2024, yang meningkatkan saiz lembaga kepada enam ahli. Jawapan ini gagal menangani kebimbangan utama kami iaitu pelanggaran secara berterusan Syarat-syarat Penyenaraian dengan mengekalkan pengarah bebas yang sudah lama memegang jawatan itu.

Apabila tiba masa untuk mengundi resolusi itu, Syarikat membentangkan usul tersebut menggunakan pendekatan majoriti mudah. Walhal, Syarikat boleh sekurang-kurangnya membentangkan resolusi itu dengan menggunakan pendekatan pengundian dua peringkat berpandukan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysian Code on Corporate Governance*, MCCG). Usul itu diluluskan dengan mudah dengan undian daripada 99.9% saham, yang kebanyakannya mungkin diperoleh daripada syarikat itu sendiri kerana kami mendapati hanya beberapa pemegang saham minoriti yang hadir.

Kami kecewa dengan tindakan Syarikat yang secara terang-terangan tidak peduli akan pematuhan terhadap Syarat-syarat Penyenaraian. Pendirian kami bukanlah tidak munasabah. Jika pengarah berkenaan boleh terus menyumbang secara berkesan kepada lembaga pengarah dan syarikat, beliau boleh dikekalkan sebagai pengarah tetapi mestilah dilantik semula sebagai pengarah bukan bebas.



Soalan dan jawapan berhubung Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad untuk Pasaran Utama

Perenggan 1.2 (xviii)

Bolehkah seorang pengarah bebas yang telah berkhidmat dalam lembaga pengarah selama lebih 12 tahun dibenarkan untuk kekal dalam lembaga pengarah?

Ya, individu tersebut boleh kekal dalam lembaga pengarah jika dia dilantik semula sebagai pengarah bukan bebas.

Keengganan yang berterusan untuk mendedahkan imbuhan pengarah berdasarkan nama

MSWG telah berulang kali mengutarakan kebimbangan berhubung keengganan berterusan BLD untuk mendedahkan imbuhan pengarah berdasarkan nama sejak 2021. Walaupun Syarikat maklum akan kebimbangan kami, mereka tetap menyatakan isu keselamatan dan kerahsiaan sebagai justifikasi untuk tidak berbuat demikian.

Soalan MSWG melalui surat bertarikh 29 Ogos 2024

(Salinan penuh surat ini boleh didapati di laman sesawang MSWG)

Berdasarkan jawapan BLD kepada surat pada tahun 2021, 2022 dan 2023 kepada soalan MSWG yang dibangkitkan dalam AGM sebelumnya, Syarikat maklum akan komen MSWG dan tidak mahu mendedahkan imbuhan pengarah berdasarkan nama atas sebab kerahsiaan dan kebimbangan keselamatan.

Tindakan Syarikat yang masih tidak mendedahkan imbuhan pengarah berdasarkan nama untuk Laporan Tahunan 2024 adalah pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Pendedahan yang dibuat di halaman 14 Laporan Tahunan 2024 tidak memenuhi syarat pendedahan di bawah Lampiran 9C Kandungan Laporan Tahunan, Bahagian A (11) Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Jawapan BLD kepada surat MSWG

Lembaga Pengarah maklum akan kebimbangan MSWG tetapi mereka tetap dengan pendirian untuk tidak mendedahkan maklumat tersebut.

Sebagai perspektif, BLD menanggung perbelanjaan imbuhan sebanyak RM2.75 juta pada tahun kewangan 2024 untuk pengarah eksekutif dan bukan eksekutif, dengan kira-kira 62% diperuntukkan kepada gaji, yuran dan emolumen lain pengarah eksekutif.

Keengganan BLD untuk mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian tidak mencerminkan komitmen Syarikat terhadap tadbir urus korporat. Pengabaian yang berterusan terhadap peraturan ini menjejaskan ketelusan dan akauntabiliti serta mengabaikan kepentingan pemegang saham.

Jika pengarah diberikan ganjaran yang adil, tiada sebab untuk tidak mendedahkan imbuhan mereka secara individu. Pemegang saham melantik pengarah untuk memenuhi peranan dan tanggungjawab tertentu dan imbuhan mereka mencerminkan prestasi mereka. Selain itu, di bawah Seksyen 230 Akta Syarikat 2016 dan Perenggan 7.24 Syarat-syarat Penyenaraian, pemegang saham berhak untuk meluluskan imbuhan pengarah bukan eksekutif. Ketelusan dalam aspek ini membolehkan pemegang saham membuat keputusan termaklum. Walaupun pemegang saham tidak meluluskan pakej imbuhan

pengarah eksekutif, pendedahan tersebut membolehkan mereka bertanya soalan yang berkaitan pakej imbuhan.

Perkara lain berhubung amalan tadbir urus korporat

Selain daripada dua pelanggaran ketara Syarat-syarat Penyenaiaan, pengendalian mesyuarat agung BLD juga mempunyai banyak ruang untuk penambahbaikan.

Notis AGM tidak menyatakan jumlah yang akan diluluskan untuk imbuhan pengarah. Ia juga tidak menyediakan nota penjelasan mengenai yuran dan faedah pengarah. Walaupun Pengerusi menyebut secara ringkas jumlah yang akan diluluskan sewaktu membentangkan resolusi, para pemegang saham memerlukan lebih banyak maklumat untuk membincangkan perkara itu sebelum membuat keputusan.

Tambahan pula, borang proksi tidak disertakan dalam Laporan Tahunan atau notis mesyuarat. Sebaliknya, pemegang saham dikehendaki memuat turun dan mencetak borang proksi daripada laman sesawang korporat dan menghantarnya ke pejabat berdaftar.

Malangnya, Syarikat tidak menggunakan penyelesaian elektronik yang memudahkan proses seperti sistem e-proksi, yang dapat mengelakkan pemegang saham daripada kesulitan untuk mencetak dan menghantar borang secara fizikal.

Ramai pemegang saham, terutamanya mereka yang tidak dapat menghadiri mesyuarat secara peribadi, boleh melepaskan hak mereka untuk mengundi kepada proksi atau pengerusi untuk mengundi bagi pihak mereka. Memandangkan syarikat tidak membuat pendedahan terperinci, bagaimanakah pemegang saham dapat membuat arahan pengundian yang termaklum sebelum mesyuarat berlangsung?

Pemegang saham juga tidak dapat mengesan jumlah yang diluluskan pada tahun-tahun sebelum ini kerana butirannya tidak disertakan dalam Perkara Utama yang Dibincangkan (*Key Matters Discussed*, KMD) yang diterbitkan oleh Syarikat selepas AGMnya.

Lembaga Pengarah pada masa ini terdiri daripada seorang pengarah bukan eksekutif bukan bebas wanita (*non-independent non-executive director*, NINED), yang kebetulan merupakan anak kepada Pengerusi Eksekutif. Untuk perhatian, pelantikannya pada 2 Mac 2022 dibuat sejurus selepas Bursa Malaysia mengumumkan keperluan mandatori bagi PLC untuk mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita dalam lembaga pengarah mereka pada 19 Januari 2022. Adakah tarikh pelantikan ini disengajakan atau kebetulan, anda tentukan sendiri.

Walau bagaimanapun, kebimbangan utama kami adalah keupayaan pengarah untuk kekal bebas dan tidak berat sebelah, memandangkan hubungan kekeluargaan beliau dengan Pengerusi Eksekutif. Selain itu, pelantikan ahli keluarga pasti akan menimbulkan persoalan sama ada ia dibuat berdasarkan merit atau semata-mata untuk memenuhi Syarat Penyenaiaan.

Komposisi Jawatankuasa Ganjaran (*Remuneration Committee, RC*) BLD merupakan satu lagi isu yang menjadi pertikaian. Ia terdiri daripada Pengerusi Eksekutif, NINED wanita (yang merupakan anak perempuannya) dan seorang pengarah bebas. Sekali lagi, struktur sedemikian bertentangan dengan semangat ketelusan dan kebebasan seperti yang digariskan di bawah Amalan 1.4 MCCG - Pengerusi lembaga tidak sepatutnya menjadi ahli Jawatankuasa Audit (*Audit Committee, AC*), Jawatankuasa Pencalonan (*Nomination Committee, NC*) atau RC. BLD tidak mengguna pakai amalan tersebut.

Meletakkan orang yang sama sebagai penyandang jawatan Pengerusi lembaga dan Pengerusi AC, NC atau RC boleh menimbulkan risiko semakan sendiri dan boleh menjejaskan objektiviti Pengerusi dan lembaga apabila membincangkan pemerhatian dan cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa lembaga.

PLC beroperasi di bawah tahap piawaian tadbir urus korporat yang berbeza-beza. Sesetengah PLC menunjukkan amalan yang boleh dijadikan teladan, manakala yang lain tidak berbuat demikian. Di sinilah MSWG memainkan peranan yang penting iaitu memantau sebarang pelanggaran dan ketidakpatuhan terhadap amalan tadbir urus korporat dalam kalangan PLC.

MSWG DALAM TINDAKAN

Penswastaan MPH Capital Berhad



Dalam *The Observer* bertarikh 30 Ogos 2024, MSWG mengetengahkan kebimbangan yang semakin meruncing mengenai pelaksanaan penswastaan MPH Capital Berhad (MPHB). Sejak MPH mengumumkan pelaksanaan Cadangan Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Terpilih (Cadangan SCR) pada 28 Mei 2024, MSWG menerima banyak maklum balas daripada pemegang saham minoriti, khususnya berkaitan harga tawaran iaitu RM1.70 sesaham. Pemegang saham menyatakan bahawa harga tersebut adalah jauh di bawah nilai aset bersih (*net asset value*, NAV) Syarikat, mencetuskan persoalan sama ada Cadangan itu mencerminkan nilai sebenar perniagaan MPH.

Memandangkan tarikh Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) pada 6 September 2024 semakin hampir, MSWG menggesa pemegang saham minoriti untuk mempertimbangkan cadangan itu dengan semasak-masaknya dan yang paling penting, melaksanakan hak mereka untuk mengundi. Dengan perbincangan hangat yang berkisar tentang harga tawaran, EGM ini memberi peluang kepada pemegang saham untuk mempengaruhi hala tuju MPH, memastikan suara mereka didengari dalam keputusan yang mampu membentuk laluan Syarikat pada masa hadapan.

Forum Awam berhubung Penswastaan MPH



Pada 3 September 2024, MSWG menganjurkan forum awam di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort untuk menangani kebimbangan yang dibangkitkan oleh pemegang saham minoriti berhubung penswastaan MPH. Sesi itu dihadiri oleh pemegang saham minoriti dan dianjurkan sebagai tindak balas kepada permintaan untuk membantu mereka memahami Surat Nasihat Bebas (*Independent Advice Letter*, IAL) dan tawaran yang dibentangkan.

IAL, yang dikeluarkan oleh UOB Kay Hian Securities (M) Sdn Bhd selaku Penasihat Bebas yang dilantik untuk pemegang saham tidak berkepentingan, memberikan pandangan, pendapat dan cadangan yang kritikal mengenai Cadangan SCR, seterusnya membantu pemegang saham membuat keputusan termaklum.

Forum ini bertujuan untuk menjelaskan kandungan IAL, bukan untuk mempengaruhi keputusan pengundian. Ia berfungsi sebagai platform untuk pemegang saham

mendapatkan penjelasan berhubung syarat-syarat teknikal dan berkongsi pandangan mereka mengenai tawaran itu. MSWG menerima maklum balas positif daripada para hadirin, yang menghargai inisiatif dan peluang untuk lebih memahami kerumitan dalam Cadangan tersebut.




Mesyuarat Agung Luar Biasa MPHB

EGM MPHB Capital Berhad telah diadakan secara fizikal pada 6 September 2024 di Hotel Flamingo by The Lake di Ampang. Kira-kira 80 pemegang saham menghadiri mesyuarat itu, bersama ahli lembaga pengarah, termasuk pengarah yang berkepentingan. Seorang pengarah tidak hadir atas sebab kesihatan. Pemegang saham minoriti bertanyakan banyak soalan penting kepada lembaga pengarah, penilai, penasihat bebas dan penasihat utama, menyatakan kebimbangan mereka terhadap syarat-syarat Penswastaan.



MSWG memainkan peranan penting dalam mengetuai sesi Soal Jawab dengan mengusulkan beberapa perkara kritikal, termasuk:

- 1) Rizab tunai MPHB yang berjumlah kira-kira RM657.7 juta adalah bersamaan 94 sen sesaham. MSWG menekankan bahawa dengan harga tawaran SCR pada RM1.70 sesaham, selepas ditolak tunai, pemegang saham yang tidak berkepentingan secara efektif hanya menerima 76 sen sesaham untuk Nilai Aset Bersih yang Dinilai Semula (*Revalued Net Asset*



Value, RNAV) iaitu RM2.33 (selepas tunai) sesaham, yang menghasilkan diskaun yang lebih tinggi sebanyak 67% berbanding 48% seperti yang dinyatakan.

- 2) Mengapakah pembuat tawaran menggunakan wang tunai Syarikat untuk menswastakan MPH B sedangkan wang tunai ini adalah hak milik semua pemegang saham dan boleh dipulangkan melalui dividen?
- 3) Mengapakah Harga Tawaran mewakili diskaun yang tinggi iaitu 48% daripada RNAV sebanyak RM3.27 dan apakah usaha yang dibuat oleh pengarah bebas untuk merundingkan harga tawaran yang lebih tinggi, jika ada?
- 4) Bagaimanakah pengarah bebas melindungi dan bertindak demi kepentingan pemegang saham yang tidak berkepentingan dengan membenarkan Cadangan SCR itu dibentangkan?
- 5) Adakah Pengarah Bebas telah cuba mendapatkan pendapat kedua untuk penilaian aset MPH B, lebih-lebih lagi apabila timbul kebimbangan terhadap penilaian tanah dan hotelnya.

Proses pengundian dijalankan secara manual iaitu pemegang saham mengisi borang pengundian dan memasukkannya ke dalam kotak. Hanya pemegang saham yang tidak berkepentingan layak mengundi. Pada penghujung sesi, kedua-dua resolusi telah dilaksanakan, dengan 87% mengundi menyokong resolusi itu dan hanya 8.34% mengundi menentangnya.

Surat kami kepada MPH B

Susulan daripada EGM tersebut, MSWG telah menghantar surat kepada MPH B pada 11 September 2024, menekankan bahawa 8.34% daripada pemegang saham minoriti yang tidak berkepentingan telah mengundi menentang Resolusi Khas berhubung Cadangan SCR itu. Angka ini agak tinggi, menzahirkan perasaan tidak puas hati yang ketara dalam kalangan pemegang saham minoriti berhubung harga tawaran untuk SCR.

Dengan mengambil kira kepentingan pemegang saham minoriti, MSWG mencadangkan supaya lembaga pengarah MPH B mempertimbangkan untuk mengisytiharkan dividen token kepada pemegang saham minoriti. MSWG menegaskan bahawa dividen ini tidak seharusnya mengurangkan harga tawaran RM1.70 sesaham kepada pemegang saham yang tidak berkepentingan. Memandangkan harga tawaran telah ditetapkan pada diskaun yang tinggi, tindakan sedemikian menzahirkan muhibah serta mengakui kebimbangan pemegang saham minoriti. Sehingga tarikh penerbitan surat berita ini, MPH B masih belum menjawab surat MSWG. Petikan surat tersebut adalah seperti di bawah.



11 September 2024

Reference: MSWG-CM-02-05/24
By Email

The Board of Directors
MPHB CAPITAL BERHAD
40th Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur

Attention: **Ms. Ng Sook Yee**
Company Secretary

Dear Directors,

SELECTIVE CAPITAL REDUCTION AND REPAYMENT EXERCISE OF MPHB CAPITAL BERHAD ("MPHB" OR THE "COMPANY") PURSUANT TO SECTION 116 OF THE COMPANIES ACT 2016

The above matter and the Company's recent concluded extraordinary general meeting held on 6 September 2024 ("EGM") are referred to.

The Minority Shareholders Watch Group (MSWG) is an independent body that represents the interests of minority shareholders. We achieve this by being a shareholder of companies, including MPHB, and advocating for good governance and sustainability practices among those listed on Bursa Malaysia.

Based on the outcome of the EGM, the Special Resolution in respect of the proposed selective capital reduction and repayment exercise of MPHB pursuant to Section 116 of the Companies Act 2016 ("Proposed SCR") was approved by the disinterested shareholders of MPHB. Nevertheless, 8.34% of the votes attached to all MPHB Shares held by the disinterested shareholders of MPHB of the total voting shares of MPHB had voted against the Special Resolution.

In view of the above and in consideration of the interest of minority shareholders of the Company, we wish to propose to the board of MPHB to consider declaring and pay a token dividend to the minority shareholders of MPHB. However, the token dividend, if any, should not reduce the offer price of RM1.70 per share to be paid to the disinterested shareholders. Given the steep discount to the offer price, this will be a good gesture to the minority shareholders of MPHB.

Minority Shareholders Watch Group
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (30-001022382)
23-2, Menara AIA Sentral
No. 30, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur



Tel +60 3 2732 0010
Email mwatch@mSWG.org.my
Website www.mSWG.org.my

MSWG dalam The Edge Malaysia

MSWG telah dipaparkan dalam akhbar perniagaan mingguan The Edge Malaysia pada 9 September 2024, yang menyaksikan Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Dr Ismet Yusoff berkongsi pandangan beliau tentang inisiatif yang dijalankan oleh MSWG dan isu kritikal seputar dunia korporat Malaysia berdasarkan pemerhatian MSWG. Artikel itu menekankan usaha berterusan MSWG untuk meningkatkan tadbir urus korporat, melindungi kepentingan pemegang saham minoriti serta menangani cabaran yang muncul dalam landskap korporat. Kami mengucapkan terima kasih kepada The Edge Malaysia dan Liew Jia Teng, Timbalan Editor penerbitan atas liputan ini.

MSWG aims to be the eyes of the unseen, voice of the unheard

BY LIEW JIA TENG

The Minority Shareholders Watch Group (MSWG) has long been a steadfast advocate of transparency and fairness in Malaysia's corporate landscape, particularly for minority shareholders who often find their voices overshadowed by larger interests.

At the helm of this minority shareholder protection group is Dr Ismet Yusoff, who took over as CEO six months ago. In an exclusive interview with *The Edge*, Ismet shares insights into his journey so far, the organisation's evolving role and the pressing issues facing corporate governance in Malaysia.

"We strive to be the eyes for the unseen and the voice for the unheard. Our goal is to enhance transparency and advocate for minority shareholders through detailed analysis and activism," he says.

Ismet acknowledges the foundation laid by his predecessor, Devanesan Ekanesan, but stresses that there is no unfinished business to speak of. "This is very much like a torchbearer in the Olympics. So, you pass the torch from one to another. And we can just continue running and make sure that the flame continues. And that's what we plan to do."

Ismet was appointed as the new head of MSWG in March, replacing Devanesan, who retired after helming the organisation for six years until December last year.

MSWG, formerly known as Minority Shareholder Watchdog Group, was set up in 2000 as a government initiative to be part of the broader capital market framework to bring about awareness primarily on minority shareholder interest and corporate governance matters through shareholder activism and engagement with stakeholders.

A self-governing and non-profit professional body licensed under the Capital Markets and Services Act 2007, MSWG is funded substantially

by the Capital Market Development Fund (CMDP).

Under Ismet's leadership, the organisation aims to not only continue to be a crucial player in protecting minority shareholders from unfair practices, but also push the boundaries of corporate governance, focusing on emerging challenges like environmental, social and governance (ESG) standards and shareholder engagement in the digital age.

Ismet graduated from International Islamic University Malaysia where he wrote a doctoral thesis on the effect of corporate governance and capital structures on the performance of Malaysian public-listed companies (PLCs).

His 14-year stint with Securities Commission Malaysia (SC) commenced in September 2009. Starting as an executive, he rose to become assistant manager of the corporate governance unit, markets and products department in September 2012. His last role in the SC was assistant general manager of corporate governance department, market development, from May 2022 to August 2023.

For Ismet, moving to MSWG was a natural transition, given his extensive experience at the SC and his prior collaboration with MSWG. "It's been an interesting journey. I'm blessed to be a part of this role and to have a supportive team. MSWG is not alien to me. My background with the SC involved close collaboration with MSWG, so I was already familiar with its role on the capital market and minority shareholders."

At the SC, Ismet was heavily involved in policy development, which provided him with the groundwork needed for his current position. "My previous role focused on policy development, particularly around governance and sustainability. I was involved in advancing guidelines and regulations like the guidelines on conduct of directors and of listed corporations and their subsidiaries, various amendments to Bursa Malaysia's listing requirements and the



Ismet: My motivation to join MSWG was to champion ESG issues on a more hands-on level. I wanted to see the impact on the ground and work directly with companies to influence change and protect minority rights.

Malaysian Code on Corporate Governance."

At MSWG, he is taking a more hands-on approach to ensuring these policies are properly implemented and effectively protect minority shareholders.

Ismet's drive to focus on ESG issues has been a motivating factor in his transition from policy-making to active advocacy. "My motivation to join MSWG was to champion ESG issues on a more hands-on level. I wanted to see the impact on the ground and work directly with companies to influence change and protect minority rights."

One of the significant challenges MSWG faces under Ismet's leadership is ensuring that shareholders' meetings remain a platform for genuine shareholder engagement. While the Covid-19 pandemic pushed many companies to hold virtual general meetings, the format has persisted, raising concerns about transparency and shareholder participation.

"We've observed that many companies still hold fully virtual meetings (about 70% of the S29 meetings

we attended in 2023 were in virtual format), which often leads to shareholder concerns being ignored," says Ismet.

He points out common issues, such as cherry-picking favourable questions and cutting question and answer (Q&A) sessions short, which undermines interaction between the board and shareholders.

MSWG has been vocal about the need to regulate the format of general meetings, and the group is encouraged by the regulatory moves that was announced at end-August that the PLCs will no longer be allowed to hold virtual-only shareholders' meetings beginning March 1, 2025.

"It is heartening to see that the SC and Bursa Malaysia took heed of our concerns, and we welcome recent regulatory moves to stop fully virtual formats as we believe it can undermine shareholder engagement," Ismet elaborates.

Pushing for fairness in privatisation deals

Another area of concern is the trend of providing steep discounts in privatisation deals. One such example is MPH Capital Bhd (KL:MPHCAP), where the offeror proposed to take the company private at a 48% discount to its revalued net asset value (RNAV). MPH major shareholder Cusi Management Sdn Bhd — the private vehicle of low-profile tycoon Tan Sri Surin Upatkoorn's family — made an offer to privatise the company via a selective capital reduction (SCR) and repayment exercise at RML70 per share.

For Ismet, this sets a worrying precedent. MSWG advocates for stricter regulations to ensure fairness in these privatisation offers. "We suggest that regulations should ensure offers are fair before being put to a vote. When it comes to privatisation and voluntary delisting, we believe the offer should be fair and reasonable, then only should the board (of directors) table it for resolution in shareholders' meetings," he says.

However, Ismet acknowledges that shareholder interests vary, which can influence how they perceive the fairness of such offers. "It's always about the individual shareholders' interests. What might seem unfair to one could be seen as an opportunity by another. The concept of 'fair and reasonable' should guide these decisions, ensuring that at least the offer is equitable when it's being tabled."

MSWG's advocacy for fair and reasonable offers has been a key focus for some time, especially with new rulings in Singapore prompting further discussion on this issue in Malaysia. "Our push for fair and reasonable offers isn't new; it has been evolving since earlier privatisations," Ismet notes.

While MSWG has yet to formally approach regulators with this concept, recent public forums have shown alignment on the need for a more robust discussion on fair and reasonable offers. "During a recent public forum, there was clear alignment on the need to discuss and consider fair and reasonable offers. This is a step forward, particularly for regulators to consider," he says.

Looking ahead, MSWG has ambitious plans to expand its coverage and deepen its analytical capabilities. Currently, the organisation monitors 450 companies, representing 80% of Bursa Malaysia's market capitalisation.

"We have about 20 staff, including nine analysts. We plan to expand MSWG's coverage and enhance our analytical capabilities. We plan to increase our coverage to 500 companies and consider expanding the team of analysts from nine to fifteen," Ismet shares.

Concerns about frequent fund-raising exercises

MSWG is looking to leverage technology, including artificial intelligence (AI), to improve the efficiency and effectiveness of its analysis.

One of the ongoing concerns MSWG continues to address is the frequent issuance of new shares through place-

SkyWorld
COMMITTED TO
MAKE LIVING Better

TOPTEN MALAYSIA

BCA Malaysia Top 100

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 16 hingga 20 September 2024

Berikut adalah AGM/ EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
18.09.24 (Rabu) 11.00 pagi	Trive Property Group Berhad (EGM)	Trive Property berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan terbitan bonus sehingga 505.46 juta waran berdasarkan dua waran bagi setiap lima saham biasa sedia ada yang dipegang dalam Trive Property.
19.09.24 (Khamis) 10.00 pagi	PMB Technology Berhad (EGM)	<p>PMBTech bercadang untuk melaksanakan terbitan hak boleh ditolak saham biasa baharu untuk mengumpulkan kira-kira RM300 juta.</p> <p>Syarikat berhasrat untuk melaksanakan terbitan hak ini secara langganan penuh dan hasil bersih daripada terbitan hak ini akan digunakan untuk membayar balik pinjaman bank. Tindakan ini akan mengurangkan nisbah penggearing Syarikat daripada 0.89x kepada 0.44x.</p>
19.09.24 (Khamis) 10.30 pagi	Eksons Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM14.3 juta untuk tahun kewangan 2024, keuntungan tahunan pertama yang diperoleh sejak tahun kewangan 2021. Keuntungan ini sebahagian besarnya hasil daripada pelaburan yang dipegang serta strategi penyusunan semula portfolio.</p> <p>Pada akhir tahun kewangan 2024, sekuriti pelaburan jangka pendek, simpanan tetap jangka pendek, tunai dan baki bank Kumpulan berjumlah RM283.74 juta,</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		merangkumi kira-kira 68% daripada asetnya yang berjumlah RM418.32 juta. Kedudukan ini menyebabkan Kumpulan hampir mencetuskan Kriteria Tunai di bawah Perenggan 8.03 Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities, yang berpotensi mengklasifikasikan Kumpulan sebagai Syarikat Tunai.
19.09.24 (Khamis) 10.30 pagi	Green Packet Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat 8.32% kepada RM740.14 juta pada tahun kewangan 2024 terutamanya disumbangkan oleh segmen Perkhidmatan Digital yang menawarkan perkhidmatan seperti suara borong, sambungan data dan penghantaran mesej aplikasi kepada orang (A2P).</p> <p>Bagaimanapun, Kumpulan masih melaporkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM7.76 juta (tahun kewangan 2023: RM42.64 juta). Kerugian yang lebih rendah ini disumbangkan oleh peningkatan kecekapan operasi serta penstrukturan semula segmen perniagaan yang tidak menguntungkan.</p>
19.09.24 (Khamis) 12.00 tengah hari	YNH Property Berhad (EGM)	Syarikat mencadangkan resolusi untuk melupuskan pusat beli-belah runcit tujuh tingkat yang dikenali sebagai '163 Retail Park' oleh D'Kiara Place Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat kepada RHB Trustees Berhad selaku pemegang amanah Sunway Real Estate Investment Trust pada jumlah RM215 juta.

Perkara penting:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Eksons Corporation Berhad (AGM)	<p>Bahagian Papan Lapis mempunyai inventori papan lapis sebanyak RM16.1 juta pada 31 Mac 2024 dan inventori ini akan terus dijual pada masa hadapan yang boleh dijangka, dengan jangkaan tempoh melebihi setahun (Halaman 11, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Adakah Kumpulan sedang mencari pembeli untuk melangsaikan inventori papan lapisnya yang sedia ada berjumlah RM16.1 juta?</p> <p>b) Laporan tahunan sebelum ini menyatakan bahawa keseluruhan kilang Tawau telah disewakan dengan sewa bulanan asas RM25,000 ditambah sewa tambahan yang berubah-ubah. Berapakah jumlah pendapatan sewa sebenar yang diterima pada tahun kewangan 2024?</p> <p>c) Apakah status kilang Sibul? Adakah Kumpulan telah menyewakannya juga?</p>
Green Packet Berhad (AGM)	<p>“Demi menyahut cabaran dan mengurangkan kerugian, kami melaksanakan beberapa langkah untuk mengoptimumkan operasi antara 2022 dan 2023:</p> <ul style="list-style-type: none">i. kami melupuskan syarikat yang tidak berprestasi bagi menyelaraskan operasi kami;ii. kami beralih daripada mod pengembangan kepada operasi <i>lean</i> dengan merasionalkan jumlah kakitangan kami;iii. kami melaksanakan langkah pengurangan kos bagi mengurangkan perbelanjaan operasi kami; daniv. kami berjaya mendapatkan semula deposit yang didahulukan kepada rakan kongsi, termasuk pemuliharaan yang ketara daripada penglibatan kami dengan Tencent seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3(iii) Pekeliling.”<p>(Halaman 12 Pekeliling bertarikh 14 Ogos 2024)</p><p>“Secara keseluruhan, Kumpulan mengalami kerugian sebelum cukai sebanyak RM7.76 juta, berbanding dengan RM62.85 juta untuk tempoh 15 bulan berakhir 31 Mac 2023; dan RM42.64 juta untuk tempoh 12 bulan berakhir 31 Mac 2023.” (Halaman 12, Laporan Tahunan 2024)</p>

	<p>Syarikat mengalami kerugian selepas cukai sebanyak RM7.47 juta bagi tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2024.</p> <p>Walaupun selepas pelaksanaan langkah pengoptimuman, Kumpulan terus mengalami kerugian. Apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap keberkesanan keseluruhan langkah pengoptimuman tersebut?</p>
<p>YNH Property Berhad (EGM)</p>	<p>Nilai pasaran 163 Retail Park ialah RM270.5 juta seperti yang dinilai oleh penilai profesional, Azmi & Co, manakala nilai dibawa untuk 163 Retail Park selepas diaudit ialah RM234.7 juta pada Jun 2023.</p> <p>Syarikat bercadang untuk menjual 163 Retail Park pada harga RM215 juta secara tunai yang mewakili diskaun sebanyak RM55.5 juta atau 20.52% daripada nilai pasaran.</p> <p>Syarikat juga akan mencatatkan kerugian bersih proforma sebanyak RM12.04 juta selepas mengambil kira pembalikan cukai tertunda.</p> <p>a) Mengapakah Syarikat menjual 163 Retail Park pada diskaun sebanyak 20.52% daripada nilai pasarannya?</p> <p>b) Adakah Syarikat telah melaksanakan tender terbuka untuk menilai prospek dan bidaan untuk 163 Retail Park sebelum membuat perjanjian dengan Sunway REIT?</p> <p>c) Adakah terdapat pembida lain untuk 163 Retail Park? Jika ada, atas dasar apakah Sunway REIT dipilih berbanding pembida lain?</p>